

## Pengaruh Persekitaran Sosial Bilik Darjah Terhadap Tahap Penguasaan Kemahiran dan Motivasi Murid dalam Bahasa Melayu

### *(The Influence of Classroom Social Environment towards Pupils' Mastery Levels of Skills and Motivation in Malay Language)*

Ruddy Anak Sibat<sup>1\*</sup>, Ruhizan M. Yasin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [ddymitrov831@gmail.com](mailto:ddymitrov831@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [ruhizan@ukm.edu.my](mailto:ruhizan@ukm.edu.my)

#### **CORRESPONDING**

#### **AUTHOR (\*):**

Ruddy Anak Sibat

([ddymitrov831@gmail.com](mailto:ddymitrov831@gmail.com))

#### **KATA KUNCI:**

Persekitaran sosial

Bilik darjah

Kemahiran bahasa

Motivasi

Bahasa Melayu

#### **KEYWORDS:**

Social environment

Classroom

Language skills

Motivation

Malay Language

#### **CITATION:**

Ruddy Sibat & Ruhizan M. Yasin. (2022). Pengaruh Persekitaran Sosial Bilik Darjah Terhadap Tahap Penguasaan Kemahiran dan Motivasi Murid dalam Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001446. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1446>

#### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh persekitaran sosial bilik darjah terhadap tahap penguasaan kemahiran dan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Responden kajian ini terdiri daripada 36 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah di pedalaman Kapit, Sarawak. Data kajian tinjauan ini dianalisis menggunakan perisian The Statistical Packages for the Social Sciences versi 26.0. Kaedah analisis deskriptif digunakan bagi menunjukkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang menggunakan skala Likert lima mata. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaruh persekitaran sosial bilik darjah terhadap tahap penguasaan kemahiran dan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu di sekolah rendah di pedalaman Kapit telah menggunakan persekitaran sosial bilik darjah dalam pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu bagi meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa dan motivasi murid di pedalaman. Kesimpulannya, semua guru Bahasa Melayu di sekolah pedalaman digalakkan untuk menjadi proaktif dalam merancang strategi pengajaran yang menerapkan persekitaran sosial dalam bilik darjah bagi meningkatkan kemahiran bahasa dan motivasi murid.

#### **ABSTRACT**

This research aims to identify the influences of classroom social environment towards pupils' mastery levels and motivation in the learning of Malay Language. The respondents in this study consists of 36 Malay Language primary teachers in Kapit rural area, Sarawak. The data in this survey research were analysed using the Statistical Packages for the Social Sciences version 26.0. The descriptive analysis was used to show the frequency, percentage, min and standard deviation. The instrument

that was used in this research was questionnaire with a five-point Likert scale. The findings show that the influences of classroom social environment towards pupils' mastery levels and motivation in the learning of Malay Language are at high levels. This shows that the Malay Language primary school teachers in Kapit rural area already applied the classroom social environment in teaching and learning Malay Language in order to improve the rural pupils' language skills and motivation. In conclusion, it is recommended that all Malay Language primary school teachers in rural area need to be proactive in planning strategies for teaching and learning that inculcates classroom social environment to improve pupils' language skills and motivation.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini secara tidak langsung dapat menyediakan kepelbagaian maklumat mengenai kepentingan pengaruh persekitaran sosial bilik darjah dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran dan motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Hasil kajian ini diyakini mampu membantu guru-guru dalam meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

## 1. Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi Persekutuan Malaysia. Oleh itu, segala bentuk dasar yang memartabatkan bahasa Melayu adalah untuk meletakkan kedudukannya agar selari dengan dasar yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Bagi sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia, proses pembentukan kebudayaan nasional memerlukan perancangan yang teliti dan rapi supaya dapat melahirkan cara hidup yang lebih bersifat perpaduan nasional. Oleh hal yang demikian, pelbagai dasar telah diperkenalkan oleh kerajaan dalam usaha memartabatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Antaranya adalah dengan memperkenalkan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Dasar MBMMBI diperkenalkan selepas dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dimansuhkan. Dasar MBMMBI ini secara tidak langsung lebih memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa perpaduan dalam konteks negara bangsa Malaysia.

Bahasa Melayu jelas memainkan peranannya dalam pembentukan kebudayaan yang bersifat nasionalisme kebangsaan. Dalam erti kata lain, kebudayaan kebangsaan telah membentuk satu identiti Malaysia yang terkenal dengan kepelbagaian budaya dan sekaligus telah pun melahirkan suatu bentuk budaya baharu yang lebih bercirikan kesatuan. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025), kerajaan melalui peranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan 6 Aspirasi Murid ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013](#)). Melalui keenam-enam prinsip ini, jelas pembangunan modal insan berfokuskan usaha untuk membentuk kemenjadian murid dalam kemahiran dwibahasa serta mempunyai identiti nasional Malaysia. Jelas dalam memartabatkan penggunaan bahasa Melayu, penggunaan bahasa Inggeris turut diperkukuhkan selaku peranannya sebagai bahasa perantara global.

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Oleh hal yang demikian, Standard Kurikulum Bahasa Melayu telah digubal berpaksikan prinsip Rukun Negara, Dasar Pendidikan serta Falsafah Pendidikan Segala intipati yang terkandung dalam standard ini membolehkan murid memperkembangkan bakat, keupayaan, potensi dan komunikasi dalam kemahiran berbahasa Melayu.

## 2. Sorotan Literatur

Faktor persekitaran didapati mempengaruhi pembelajaran secara langsung. Faktor persekitaran didefinisikan sebagai suatu ciri keadaan di sekeliling yang mengakibatkan sesuatu yang berlaku, berubah dan terjadi (Ahmad Fadly et al., 2021). Melalui persekitaran sosial bilik darjah yang kondusif, daya keinginan belajar murid dilihat lebih memberangsangkan. Hal ini dibuktikan melalui dapatan kajian Noorhidayah, Nurul, Nuratiqah dan Nur (2019) telah membuktikan bahawa proses pembelajaran murid menjadi lebih mudah, cepat, menyeronokkan, efektif serta mudah disesuaikan dengan situasi baharu apabila situasi persekitaran sosial bilik darjah dalam keadaan yang kondusif.

Kajian Noor Zilla dan Amir (2020) pula menjelaskan bahawa faktor persekitaran amat mempengaruhi pencapaian dan penguasaan murid dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana murid akan mengalami kesukaran dalam mempelajari sebutan, tatabahasa dan kosa kata yang jauh berbeza dengan bahasa ibunda mereka. Sebagai contoh, melalui pengaruh persekitaran dan budaya yang kondusif, murid yang berbangsa Iban di pedalaman Sarawak dapat menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik (Dayang & Muna, 2016).

Kesukaran murid bukan penutur jati dalam mempelajari bahasa kedua secara tidak langsung akan menyebabkan motivasi murid terganggu. Sesuatu masa pengajaran dan pembelajaran itu amat bergantung kepada *mood* murid (Chiew, 2018). Sekiranya *mood* murid dalam keadaan yang tidak stabil, proses pengajaran bahasa kedua pastinya akan terbantut dan terganggu. Kajian Norizan (2018) menyifatkan bahawa tugas mengajar bahasa kedua atau bahasa asing kepada murid bukan penutur jati adalah sesuatu yang sukar. Tambahan pula setiap bahasa di dunia ini mempunyai sistem tatabahasa dan linguistik yang sangat berbeza. Realitinya, penyebab utama kepada kegagalan menguasai bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah pedalaman adalah disebabkan oleh gangguan bahasa ibundanya.

Walau bagaimanapun, setiap kekangan yang dihadapi oleh kajian-kajian lepas ini mempunyai alternatif lain dalam meningkatkan penguasaan kemahiran dan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Alternatif yang dimaksudkan adalah melalui pelaksanaan amalan gaya pengajaran yang berorientasikan amalan Pedagogi Responsif Budaya (PRB). Menurut kajian Muhammad Zakhwan, Nurafaradilla dan Asyraf (2020), amalan pedagogi responsif budaya ini berpotensi untuk mewujudkan ekosistem pembelajaran yang efektif.

Melalui ekosistem pembelajaran yang efektif, pencapaian belajar dapat ditingkatkan melalui amalan pedagogi responsif budaya. Pencapaian belajar yang dimaksudkan adalah meliputi semua aspek termasuklah kumpulan budaya, sokongan dan dorongan kepada pelajar serta merealisasikan potensi pendidikan (The Education Hub, 2021). Dengan mengetengahkan elemen budaya dan persekitaran dalam pengajaran, guru dilihat dapat membentuk asimilasi pengalaman belajar yang baharu melalui pengalaman

sedia ada murid. Oleh hal yang demikian, peranan guru amat dituntut untuk mengaplikasikan kepelbagaian teknik dan strategi pengajaran dalam usaha membantu murid menguasai bahasa kedua. Justeru, amalan dalam PRB amat diperlukan untuk membentuk keupayaan pelajar menguasai pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti peranan pengaruh persekitaran sosial bilik darjah dalam meningkatkan tahap kemahiran berbahasa Melayu dan motivasi murid semasa proses pembelajaran berlangsung.

### **3. Metod Kajian**

#### **3.1. Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk yang digunakan bagi kajian ini ialah kajian tinjauan. Kajian tinjauan adalah prosedur yang terkandung dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif di mana pengkaji melakukan tinjauan ke atas sampel kajian atau seluruh populasi (Creswell 2014). Kaedah tinjauan "*cross-sectional*" yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan pemerihalan dan penjelasan untuk dijadikan sebagai dapatan kajian. Ghazali dan Suffian (2016) pula menyifatkan tinjauan "*cross-sectional*" dilaksanakan untuk mengumpulkan maklumat daripada populasi sampel yang telah dikenal pasti.

#### **3.2. Lokasi dan Persampelan Kajian**

Kajian ini melibatkan guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman Kapit, Sarawak. Persampelan kajian pula hanya terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teknik persampelan bukan rawak dalam kajian ini. Berdasarkan jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), seramai 36 orang guru telah dijadikan sebagai persampelan kajian.

#### **3.3. Instrumen Kajian**

Kaedah soal selidik yang menggunakan aplikasi "*Google Form*" telah digunakan dalam kajian bagi pengumpulan data kajian. Ghazali dan Suffian (2016) turut menjelaskan bahawa penggunaan soal selidik lebih memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data yang lebih berbentuk ukuran secara kuantitatif. Dalam kajian ini, soal selidik Bahagian A adalah untuk mengukur tahap persetujuan responden terhadap pengaruh persekitaran sosial terhadap penguasaan murid dalam kemahiran bahasa Melayu. Untuk bahagian B pula, item soal selidik digunakan untuk mengukur tahap persetujuan responden terhadap pengaruh persekitaran sosial bilik darjah terhadap motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Soal selidik digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian ini manakala skala likert digunakan untuk membuat pengukuran tahap persetujuan responden. Menurut Bahrun, Alifah dan Mulyana (2017), skala likert digunakan untuk mengukur pendapat, persepsi, pandangan dan sikap individu terhadap sesuatu fenomena sosial yang berlaku. Melalui soal selidik skala likert ini, setiap responden dikehendaki untuk menjawab setiap item dalam instrumen lima mata iaitu 1=Amat Tidak Setuju, 2= Tidak Setuju, 3=Tidak Pasti, 4= Setuju dan 5= Sangat Setuju.

Sehubungan itu, pengkaji telah membuat satu kajian rintis setelah segala bentuk item dalam borang soal selidik selesai dibuat. Bagi kajian rintis, pekali kebolehpercayaan

*Alpha Cronbach* digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan setiap instrumen. Hal ini adalah amat perlu bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dalam menghasilkan kajian yang berkualiti. Hasil kajian rintis yang diperolehi daripada nilai *Alpha Cronbach* adalah 0.783 bagi soal selidik Bahagian A dan 0.707 bagi soal selidik Bahagian B. Ini membuktikan bahawa instrumen soal selidik ini berada pada tahap yang baik serta boleh diterima berdasarkan jadual interpretasi kebolehpercayaan dalam skor kebolehpercayaan pekali *Alpha Cronbach* sepertimana pada Jadual 1.

Jadual 1: Jadual Intrepretasi Alpha Cronbanch

Skor Alpha Cronbach	Interpretasi Kebolehpercayaan
0.9 -1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7- 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 – 0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu diperbaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

### 3.4. Analisis Data

Data yang diperolehi melalui kajian ini telah dianalisis menggunakan perisian *Statiscal Package For The Social Science* (SPSS 26). Data dianalisis menggunakan beberapa peringkat. Peringkat pertama merupakan proses menyediakan data mentah manakala untuk peringkat dua pengkaji perlu membuat pengesahan data. Peringkat pengesahan data ini amat penting bagi memastikan setiap responden mengikuti setiap prosedur pengumpulan data dilaksanakan dengan betul. Pada peringkat ketiga pula berkaitan dengan penyuntingan data. Proses penyuntingan data ini adalah amat penting bagi memastikan ralat dan kesilapan tidak berlaku untuk mendapatkan data yang lengkap. Selesai ketiga tiga peringkat tersebut pengkaji akan menganalisis data secara deskriptif. Peringkat terakhir pula pengkaji akan mempersembahkan data melalui analisis deskriptif dengan memaparkan hasil ujian statistik seperti min, peratusan, sisihan piawai dan interpretasi min. Segala aspek yang diperlihatkan melalui kajian ini adalah untuk memusatkan segala bentuk data terkumpul. Jadual 2 berikut merupakan jadual yang menentukan tahap skor dan interpretasi min.

Jadual 2: Tahap Interpretasi Min

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 -2.33	Rendah
2.34- 3.66	Sederhana
3.62 – 5.00	Tinggi

## 4. Hasil Kajian

### 4.1. Demografi Responden

Berdasarkan Jadual 3, seramai 27.8% responden berumur antara 24-30 tahun. Selanjutnya seramai 47.2% responden pula berumur antara 31-40 tahun, 19.4% pula berumur antara 41-50 tahun dan 2.68% lagi berumur antara 51 -60 tahun. Manakala 2.68% responden tidak menyatakan umurnya pada borang soal selidik. Untuk pengalaman mengajar setiap responden pula, sebanyak 25% responden mempunyai pengalaman mengajar antara tempoh 1-5 tahun. 27.8% lagi berkhidmat antara 6-12 tahun, 41.7% pula antara 13-20 tahun dan 2.8% selebihnya berkhidmat antara 21-30

tahun. Dari segi kelulusan akademik pula, sebanyak 5.6% responden memiliki kelulusan Diploma manakala 83.3% pula memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda dan 11.1% responden telah memiliki kelulusan dalam bidang Sarjana. Dalam kajian ini juga, seramai 2.8% responden tidak menjawab soal selidik bahagian umur.

Jadual 3 : Analisis Demografi Responden

Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
Umur	24 -30 tahun	10	27.8
	31-40 tahun	17	47.2
	41-50 tahun	7	19.4
	51 -60 tahun	1	2.68
Pengalaman Mengajar	1-5 tahun	9	25
	6-12 tahun	10	27.8
	13-20 tahun	15	41.7
	21-30 tahun	1	2.8
Kelulusan Akademik	Diploma	2	5.6
	Ijazah Sarjana Muda	30	83.3
	Sarjana	4	11.1

#### 4.2. Pengaruh Persekitaran Sosial Bilik Darjah Terhadap Penguasaan Kemahiran Bahasa Melayu

Setelah penganalisisan data dibuat, didapati bahawa pengaruh persekitaran sosial bilik darjah amat membantu murid dalam meningkatkan penguasaan dalam kemahiran bahasa Melayu. Jadual 4 berikut merupakan rumusan dapatan kajian berkaitan pengaruh persekitaran sosial bilik darjah terhadap penguasaan bahasa Melayu murid.

Jadual 4: Pengaruh Persekitaran Sosial Bilik Darjah Terhadap Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Melayu

Penyataan	STS	TS	TP	S	AS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Murid yang sering bertanya kepada guru semasa sesi pembelajaran bahasa Melayu akan dapat menguasai mata pelajaran ini dengan baik.	0	1	2	32	1	3.92	0.439	Tinggi
	0	2.8%	5.6%	88.9%	2.8%			
Pengaruh rakan amat berperanan membantu murid dalam menguasai pembelajaran bahasa Melayu.	0	0	3	27	5	4.06	0.482	Tinggi
	0	0	8.3%	75%	13.9			

Galakan serta bimbingan guru secara berterusan semasa sesi pembelajaran berlangsung amat membantu murid dalam menguasai pembelajaran dalam Bahasa Melayu.	0	0	1	31	3	4.06	0.338	Tinggi
	0	0	2.8%	86.1%	8.3%			
Aktiviti pembelajaran bahasa Melayu secara berkumpulan berupaya meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu murid.	0	0	3	25	8	4.14	0.543	Tinggi
	0	0	8.3%	69.4%	38.9			
Gabung jalin pelbagai budaya semasa PdPc berupaya menjadikan pembelajaran bahasa Melayu menjadi menarik.	0	0	0	21	14	4.40	0.497	Tinggi
	0	0	0	58.3%	38.9%			
Penggunaan peralatan dan kemudahan seperti video, muzik dan gambar amat membantu meningkatkan kemahiran murid dalam bahasa Melayu.	0	0	1	15	20	4.53	0.560	Tinggi
	0	0	2.8%	42.7%	55.6%			
Peranan guru mata pelajaran lain turut membantu murid dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka dalam berbahasa Melayu dengan baik.	1	7	12	14	2	3.25	0.937	Tinggi
	2.8%	19.4%	33.3%	38.9%	5.6%			
Dorongan keluarga juga penting dalam membantu murid untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam ujian bahasa Melayu	0	1	29	6		4.11	0.523	Tinggi
	0	1	80.6%	16.7%				



Penghargaan yang diberikan oleh guru menjadikan murid berusaha lebih gigih lagi dalam sesi pembelajaran bahasa Melayu.	0	0	2	27	7	4.14	0.487	Tinggi
	0	0	5.6%	75.0%	19.4%			
Unsur persekitaran seperti permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan mempengaruhi proses pembentukan tingkah laku murid.	0	0	0	24	12	4.33	0.478	Tinggi
	0	0	0	66.7%	33.3%			
Min Keseluruhan						4.2		Tinggi

Analisis deskriptif pada Jadual 4 menunjukkan bahawa pengaruh persekitaran sosial bilik darjah amat mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran bahasa Melayu dalam kalangan murid. Secara keseluruhannya, pengaruh persekitaran sosial dalam bilik darjah berada pada tahap yang tinggi (min=4.094). Item 6 iaitu "*Penggunaan peralatan dan kemudahan seperti video, muzik dan gambar amat membantu meningkatkan kemahiran murid dalam bahasa Melayu*" mencatatkan nilai min tertinggi (min= 4.53, sp= 0.560). Item 5 iaitu "*Gabung jalin pelbagai budaya semasa PdPc berupaya menjadikan pembelajaran bahasa Melayu menjadi menarik*" mencatatkan nilai min kedua tertinggi ( min =4.40, sp=0.497). Manakala Item 1 iaitu "*Murid yang sering bertanya kepada guru semasa sesi pembelajaran bahasa Melayu akan dapat menguasai mata pelajaran ini dengan baik.*" telah mencatatkan nilai min terendah (min=3.92,sp=0.439). Walau bagaimanapun, terdapat 2.8% responden tidak menjawab soal selidik Item 8 Bahagian B.

#### 4.3. Pengaruh Persekitaran Sosial Bilik Darjah Terhadap Motivasi Murid Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu.

Selepas data dianalisis, didapati bahawa pengaruh persekitaran sosial bilik darjah dilihat dapat meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Jadual 5 berikut memperincikan rumusan dapatan kajian mengenai pengaruh persekitaran sosial bilik darjah terhadap motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Jadual 5 : Pengaruh Persekitaran Sosial Bilik Darjah Terhadap Motivasi Murid Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Bil	Penyataan	STS	TS	TP	S	AS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Persekitaran sosial menjadikan murid lebih bermotivasi untuk berkolaborasi dengan rakan untuk menyelesaikan tugas berkumpulan apabila diminta oleh guru.	0	0	0	34	2	4.06	0.232	Tinggi
		0	0	0	94.4%	5.6%			



2	Murid yang bermotivasi dalam kelas pastinya sentiasa aktif dalam aktiviti dan kelas bahasa Melayu	0 0	0 0	5 13.9%	27 75%	4 11.1%	3.97	0.506	Tinggi
3	Persekitaran sosial dan hubungan interpersonal yang sempurna akan menjadikan murid lebih bersungguh agar tidak gagal dalam bahasa Melayu	0 0	0 0	1 2.8%	28 77.8%	7 19.4%	4.17	0.447	Tinggi
4	Murid yang bermotivasi memberi tumpuan sepenuhnya soalan bahasa Melayu yang dijangka keluar dalam peperiksaan	0 0	0 0	1 2.8%	19 52.8%	12 33.3	4.25	0.604	Tinggi
5	Suasana persekitaran sosial seperti bilik darjah yang sempit,tidak kondusif dan kurang selesa berupaya mengurangkan motivasi murid semasa PdPc	0 0	0 0	1 2.8%	19 52.8%	16 44.4%	4.40	0.497	Tinggi
6	Menguasai bahasa Melayu bermakna murid turut memperolehi motivasi untuk bergaul dengan persekitaran.	0 0	3 8.3%	9 25%	15 41.7%	9 25%	3.83	0.910	Tinggi
7	Menguasai bahasa Melayu melalui persekitaran membantu murid lebih bermotivasi untuk berkomunikasi dengan kaum lain.	0 0	0 0	4 11.1%	18 50%	14 38.9%	4.28	0.659	Tinggi
8	Motivasi belajar murid terhasil apabila wujud komunikasi yang baik dengan guru dan persekitaran berlaku.	0 0	0 0	1 2.8%	24 66.7%	11 30.6%	4.28	0.513	Tinggi
9	Persekitaran yang baik juga akan membantu motivasi murid untuk memahami tentang cerita, berita,majalah dan novel dalam bahasa Melayu	0 0	0 0	0 0	20 55.6%	16 44.4%	4.44	0.504	Tinggi
10	Persekitaran sosial yang kondusif meningkatkan motivasi murid untuk belajar bahasa Melayu dengan baik.	0 0	0 0	1 2.8%	17 7.2%	18 50.0%	4.47	0.560	Tinggi

Min Keseluruhan	4.2	Tinggi
-----------------	-----	--------

Analisis deskriptif pada Jadual 5 merujuk kepada pengaruh persekitaran sosial bilik darjah terhadap motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Analisis menunjukkan bahawa pengaruh persekitaran sosial bilik darjah amat mempengaruhi motivasi murid semasa proses pembelajaran bahasa Melayu berlangsung. Secara keseluruhan, pengaruh persekitaran sosial terhadap motivasi murid ini berada pada tahap yang tinggi (min=4.2). Item 10 "*Persekitaran sosial yang kondusif meningkatkan motivasi murid untuk belajar bahasa Melayu dengan baik*" mencatatkan nilai min tertinggi (min=4.47, s.p= 0.560) dan diikuti item 5 "*Suasana persekitaran sosial seperti bilik darjah yang sempit,tidak kondusif dan kurang selesa berupaya mengurangkan motivasi murid semasa PdPc*" mencatatkan nilai min kedua tertinggi (min= 4.40,s.p= 0.497). Item 2 pula iaitu "*Murid yang bermotivasi dalam kelas pastinya sentiasa aktif dalam aktiviti dan kelas bahasa Melayu*" mencatatkan item terendah (min= 3.97, s.p= 0.506).

## 5. Perbincangan Kajian

### 5.1. Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Murid Melalui Pengaruh Persekitaran Sosial Bilik Darjah

Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pengaruh persekitaran sosial bilik darjah terhadap tahap penguasaan murid adalah positif. Tidak dinafikan bahawa pengaruh persekitaran sosial amat memainkan peranan penting dalam usaha mempertingkatkan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, guru perlu sentiasa peka dengan persekitaran sosial dalam bilik darjah semasa merancang strategi pengajaran yang berkesan. Dalam erti kata lain, pengaruh persekitaran sosial bilik darjah yang kondusif seperti penglibatan aktif murid, bahan bantu belajar yang menarik, susun atur kumpulan murid, situasi pembelajaran harmoni dan strategi pengajaran yang berunsurkan didik hibur adalah merupakan faktor kepada wujudnya persekitaran sosial bilik darjah yang mampu meningkatkan pencapaian murid dalam bahasa Melayu.

Jelas dalam konteks ini menyifatkan bahawa murid dapat menguasai sesuatu kemahiran dalam pembelajaran melalui persekitaran sosial yang kondusif. Faktor suasana bilik darjah yang ceria dan harmonis juga turut menjadi pembentukan persekitaran bilik darjah yang berupaya meningkatkan penguasaan murid. Sebagai contoh, gaya pengajaran berunsurkan didik hibur yang diterapkan guru berupaya menghidupkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan. Tidak dinafikan bahawa persekitaran sosial bilik darjah yang kondusif amat menggalakkan penglibatan murid serta secara tidak langsung berupaya meningkatkan lagi tahap penguasaan mereka dalam sesuatu mata pelajaran. Seperti mana Teori Pembelajaran Sosial Bandura dalam kajian [Mairin, Nizam, Zakiah, Azman dan Rozaina \(2020\)](#) menjelaskan tentang peranan persekitaran amat menekankan pembentukan peribadi manusia. Kenyataan ini telah membuktikan bahawa persekitaran sosial dalam bilik darjah amat memainkan peranan penting dalam menjana penglibatan murid dalam meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Dalam menangani isu dan pengaruh bahasa ibunda yang sering menjadi penghalang murid dalam meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Melayu, guru perlu bijak memanipulasikan pengaruh persekitaran sosial bilik darjah dengan sebaiknya.

Realitinya dalam bilik darjah, pengaruh bahasa ibunda dilihat amat menebal dalam kalangan murid. Justeru ini merupakan cabaran bagi guru dalam merancang strategi pengajaran dengan lebih berkesan untuk menangani isu ini. Melalui persekitaran, guru boleh memanfaatkan beberapa medium pengajaran yang diyakini membantu proses PdPc bilik darjah. Antaranya adalah menggunakan medium bahan bantu mengajar yang menarik seperti penggunaan bahan video, audio serta slaid animasi yang menarik. Selain itu juga, guru juga dapat menggunakan pengaruh rakan sebaya dalam usaha membimbing rakan lain yang lambat menguasai kemahiran dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, membuat gerak kerja secara berkumpulan. Murid yang mempunyai tahap pembelajaran yang lambat dan sederhana secara tidak langsung dapat dibimbing oleh murid yang cerdik pintar dalam menyelesaikan tugas kumpulan.

## **5.2. Tahap Motivasi Murid Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Pengaruh Persekitaran Sosial Bilik Darjah**

Motivasi memainkan peranan penting dalam pembentukan kejayaan murid. Dalam memupuk motivasi murid, guru seharusnya membudayakan amalan pembelajaran yang bersifat imersif. Pembelajaran bersifat imersif ini adalah pembelajaran yang berkait rapat dengan persekitaran. Murid yang bermotivasi lebih cenderung untuk terlibat aktif dalam pembelajaran. Hal ini demikian kerana mereka lebih mempunyai idea dan pengetahuan tentang perkara yang mereka pelajari.

Dengan keupayaan ini, murid lebih bermotivasi untuk mengemukakan pendapat, pandangan beserta idea mereka semasa proses PdPc bilik darjah berlangsung. Suasana persekitaran sosial bilik darjah yang kondusif juga pasti menjadikan motivasi murid lebih meningkat. Sebagai contoh, penghargaan dan pujian yang diberikan oleh guru dan rakan mereka pastinya menjadikan motivasi mereka meningkat kerana mereka dilihat sebagai watak penting dalam menyelesaikan tugas atau masalah pembelajaran sewaktu proses PdPc bilik darjah sedang berlangsung. Kenyataan ini turut disokong oleh kajian [Alhaadi dan Norimah \(2020\)](#) menyifatkan bahawa motivasi dibentuk oleh orientasi dalaman (intrinsik) dan orientasi luaran (ekstrinsik). Dalam erti kata lain, penghargaan yang diberikan oleh guru dan rakan sebaya semasa proses PdPc bilik darjah berlangsung pastinya membuatkan murid menjadi lebih bermotivasi.

## **6. Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, pengaruh persekitaran sosial bilik darjah diyakini mampu meningkatkan tahap penguasaan kemahiran dan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, strategi pengajaran perlulah disesuaikan dengan persekitaran pembelajaran yang berkait rapat dengan norma norma murid. Antaranya adalah dengan menerapkan pengajaran yang berorientasikan elemen pedagogi responsif budaya. Pengajaran yang berorientasikan elemen responsif budaya amat memainkan peranan dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan. Sebagai contoh, penerapan elemen responsif budaya seperti menggabungkan elemen budaya dan persekitaran bilik darjah mampu membentuk suasana pembelajaran yang kondusif. Persekitaran dan budaya murid perlu dimanfaatkan oleh guru dalam strategi pengajaran. Dalam konteks ini, murid akan menjadi lebih aktif dalam pembelajaran sekiranya mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman sebelumnya untuk membentuk pengetahuan baharu melalui percambahan idea dan pendapat melalui pengalaman lalu.

Dengan menyelitikan elemen budaya dan persekitaran, pelajar bukan sahaja dapat memanfaatkan pengetahuan budaya sedia ada mereka bahkan dapat membentuk ilmu dan kemahiran pembelajaran yang baharu. Perkara ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk meningkatkan pencapaian dan penguasaan mereka dalam mempelajari bahasa kedua melalui budaya dan persekitaran mereka.

Dalam membentuk suasana persekitaran sosial bilik darjah, peranan guru juga amat dituntut sebagai perencana menghasilkan gaya pembelajaran yang disukai oleh murid. Oleh itu, guru perlu mahir memanfaatkan unsur persekitaran untuk menyediakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti serta secara tidak langsung membentuk kemenjadian murid.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Fakulti Pendidikan Universiti Pendidikan Malaysia (UKM), pensyarah penyelia dan guru-guru di Pejabat Pendidikan Daerah Kapit, Sarawak dalam usaha membantu melaksanakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian ini di bawah geran Kementerian Pendidikan Tinggi MRUN-2019-001.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam usaha menerbitkan artikel ini.

### **Rujukan**

- Ahmad Fadly Abd. Rahman, Muhamad Suhaimi Taat & Jenorita Hongkong. (2021). Hubungan Faktor Guru Dan Persekitaran Dengan Pembelajaran Pendidikan Jasmani : Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Pendalaman Sabah. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 143-153. <https://www.msocsciences.com/index.php/mjssh/article/view/984>.
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. (2019). Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(3), 2019: 23 - 30
- Bahrin, S., Alifah, S., & Mulyano, S. (2017). Rancang Bangun Sistem Informasi Survey Pemasaran dan Penjualan Berbasis Object Oriented Programming. *Jurnal Trasistor Elektro dan Informatika*. 2(2), 81-88. <http://dx.doi.org/10.30659/ei.2.2.%25p>
- Chiew, C.F. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22. <http://journalarticle.ukm.my/10190/1/113-222-1-SM.pdf>
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods*. SAGE
- Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pengaruh Faktor Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Iban.

- Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 74-84.  
<http://journalarticle.ukm.my/10415/1/135-260-1-SM.pdf>
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan : Amalan dan Analisis Kajian*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Education Performance and Delivery Unit (PADU).
- Krejcie, R.V., & Morgan, W.D., (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational And Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mairin, G., Mohd. Nizam Nazaruddin, Zakiah Nordin, Azman b. Saharin & Siti Rozaina bt. Sali. (2020). Hubungan Ibu Bapa dan Peranan Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*., 4(1).
- Muhammad Zakhwan Abd. Rahim, Nurafaradilla Mohd. Nasri & Mohd. Asyraf Abd. Talib. (2020). Pedagogi Responsif Budaya : Kesedaran , Pengetahuan dan Kesiediaan Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45 (1), 25-34.  
<https://ejournal.ukm.my/jpend/issue/view/1270>
- Noorhidayah, A.H., Nurul, H.A., Nuratiqah, S., & Nor, I.I., (2019) Pengaruh Persekitaran Dalam Penguasaan Kosa Kata Pelajar KUIM. he 1st Language, Culture and Education Conference 2019.  
<https://www.researchgate.net/publication/337438804>
- Noor Zilla Md. Yusuf & Amir Juhari .(2020). Tahap Bahasa Antara Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal IPDA*, 26(1), 187-202.  
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ipda/article/view/8236/3527>
- Norizan Che Shu. (2018). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal Linguistik*, 22(22), 010-019.  
<http://jurnal.plm.org.my/wp-content/uploads/2018/12/2.->
- The Education Hub. (2021). *Culturally Responsive Pedagogy: Whats Is Culturally Responsive Teaching*.